



**DAING NASIR IBRAHIM** bersama penerima manfaat Skim Bantuan Insentif Pendidikan yang diperkenal buat kali pertamanya untuk membantu mahasiswa yang memerlukan pada sesi pendaftaran tahun ini.

## Mahasiswa perlu manfaatkan kehidupan kampus

UTUSAN MALAYSIA (ALAM AKADEMIK) 07/09/2016 m/s 32

**KUANTAN 6 Sept.** - Golongan mahasiswa dinasihatkan supaya memanfaatkan sepenuhnya kehidupan kampus untuk membentuk peribadi unggul dan tahap intelektual tinggi bagi menjadi insan yang boleh berbakti kepada agama, bangsa dan negara.

Naib Canselor **Universiti Malaysia Pahang (UMP)**, Prof. Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, mahasiswa sewajarnya meneliti tahap kesiapsiagaan mental dan fizikal masing-masing dalam menentukan kecemerlangan prestasi di universiti.

Kata beliau, hal demikian kerana realiti pasaran pekerjaan dilihat semakin kompetitif ekoran iklim pengajian tinggi yang semakin mencabar.

“Penyertaan mahasiswa dalam aktiviti kesukarelaan juga amat penting dalam konteks memupuk jiwa prihatin,” katanya pada Majlis Amanat Naib Canselor UMP dan Lafaz Ikrar Mahasiswa sempena Minggu Induksi Pelajar Baharu di Kompleks Sukan UMP di sini baru-baru ini.

Yang hadir sama Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMP, Prof. Datuk Dr. Yuserrie Zainuddin; Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UMP, Prof. Dr. Mashitah Yusoff; Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Korporat dan Kualiti) UMP, Prof. Datuk Dr. Ishak Ismail dan Pendaftar universiti berkenaan, Abd. Hamid Majid.

Pada majlis tersebut, seramai

1,898 mahasiswa baharu UMP dan 574 mahasiswa program diploma hadir membaca ikrar yang diketuai pelajar Fakulti Kejuruteraan Mekanikal, Zairil Ashriq Mohd. Zailani.

Dalam pada itu, Daing Nasir berkata, buat pertama kalinya UMP memperkenalkan biasiswa kepada mahasiswa baharu yang melanjutkan pengajian peringkat diploma dan ijazah sarjana muda bagi sesi 2016/2017.

“Pelajar yang memenuhi kriteria, syarat-syarat kelayakan asas dan khusus yang ditetapkan universiti layak untuk memohon dan menerima bantuan yuran pengajian pada semester ini,” katanya.